

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan pada **jam 1200, Khamis, 30 Mei 2024**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN
SUKU TAHUN KEDUA 2024

Peniaga menjangkakan keadaan perniagaan yang menggalakkan pada suku kedua 2024, dengan petunjuk keyakinan kekal dalam trajektori positif sebanyak +0.7 peratus

PUTRAJAYA, 30 MEI 2024 – Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini menerbitkan **Statistik Kecenderungan Perniagaan bagi Suku Tahun Kedua 2024**. Penerbitan ini memaparkan jangkaan prestasi perniagaan bagi tiga dan enam bulan yang akan datang. Statistik ini adalah berdasarkan Survei Kecenderungan Perniagaan yang dijalankan secara suku tahunan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Peniaga menjangkakan persekitaran perniagaan yang menggalakkan pada suku kedua 2024 disokong oleh petunjuk keyakinan yang positif marginal +0.7 peratus berbanding +4.2 peratus pada suku sebelumnya” **(Paparan I)**.

Prestasi perniagaan sektor Industri terus optimis dengan petunjuk keyakinan sebanyak +5.3 peratus bagi suku yang sama berbanding +0.6 peratus pada suku pertama 2024. Perspektif yang bertambah baik dalam sektor Industri dipengaruhi oleh tiga subsektor : Perlombongan, Pembuatan, dan Elektrik & Air, yang menjangkakan keadaan perniagaan yang menggalakkan pada suku rujukan. Walau bagaimanapun,

sektor Pembinaan, Perdagangan Borong & Runcit dan Perkhidmatan meramalkan keadaan perniagaan yang mencabar pada suku kedua 2024. Keyakinan perniagaan bagi sektor Pembinaan menurun dengan petunjuk keyakinan mencatatkan -14.8 peratus pada suku rujukan. Sementara itu, sektor Perdagangan Borong & Runcit dan Perkhidmatan bertukar pesimis pada suku yang sama. Responden bagi sektor Perdagangan Borong & Runcit menjangkakan prospek perniagaan yang kurang memberangsangkan dengan petunjuk keyakinan sebanyak -4.1 peratus pada suku kedua 2024 berbanding +4.7 peratus pada suku sebelumnya. Sektor Perkhidmatan juga meramalkan keadaan perniagaan yang kurang mengalakkan pada suku kedua 2024 dengan petunjuk keyakinan merekodkan -0.9 peratus berbanding +8.6 peratus yang dicatatkan sebelumnya **(Paparan II)**.

Melihat ke hadapan, prospek perniagaan bagi tempoh April hingga September 2024 kekal rancak dengan imbalan bersih +14.9 peratus berbanding +10.0 peratus yang dicatatkan sebelumnya **(Paparan III)**. Semua sektor mencatatkan nilai positif kecuali Perdagangan Borong & Runcit. Sentimen dalam sektor Industri menunjukkan prospek perniagaan yang lebih cerah, dengan imbalan bersih meningkat +19.0 peratus berbanding 0 peratus yang dicatatkan sebelum ini. Untuk enam bulan akan datang, sektor Perkhidmatan meramalkan persekitaran perniagaan yang positif dengan imbalan bersih +9.5 peratus berbanding +24.0 peratus pada suku pertama 2024. Sektor Pembinaan juga mengharapkan prospek perniagaan yang optimistik, dengan imbalan bersih +3.7 peratus bagi tempoh yang akan datang. Perdagangan Borong & Runcit menjangkakan prospek perniagaan yang mencabar untuk enam bulan seterusnya, dengan imbalan bersih -1.5 peratus berbanding +15.1 peratus sebelum ini. Namun begitu, subsektor Perdagangan Borong mengekalkan trajektori positif dengan merekodkan +2.2 peratus berbanding +17.0 peratus yang dicatatkan sebelumnya **(Paparan IV)**.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA


JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

30 MEI 2024


Paparan I: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan, Malaysia, 2022 – 2024




Paparan II: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan mengikut Sektor, Malaysia, 2023 – 2024



Paparan III: Imbangan Bersih Jangkaan Prestasi Perniagaan bagi Enam Bulan akan Datang, Malaysia, 2022 – 2024



Paparan IV: Imbangan Bersih Suku Tahunan mengikut Sektor, Malaysia, 2023 – 2024



Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Thursday, May 30 2024**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
BUSINESS TENDENCY STATISTICS
SECOND QUARTER 2024

Businesses are expecting favourable business conditions in the second quarter of 2024, with confidence indicator maintaining a positive trajectory of +0.7 per cent

PUTRAJAYA, MAY 30, 2024 – The Department of Statistics Malaysia today released ***Business Tendency Statistics for the Second Quarter 2024***. This publication presents expectations on business performance for the upcoming three and six months. The statistics are based on the Business Tendency Survey which is conducted on a quarterly basis.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Businesses are expecting a favourable environment in the second quarter of 2024, backed by a marginal positive confidence indicator of +0.7 per cent, as compared to +4.2 per cent in the previous quarter" (**Exhibit I**).

The Industry sector continues to be optimistic about business performance, with a confidence indicator of +5.3 per cent for the corresponding quarter, compared to +0.6 per cent in the first quarter of 2024. The improved outlook in the Industry sector is influenced by three sub-sectors: Mining, Manufacturing, and Electricity & Water, which predict encouraging business conditions in the reference quarter. However, the

Construction, Wholesale & Retail Trade, and Services sectors foresee challenging business conditions in the second quarter of 2024. Business confidence in the Construction sector weakened, with the confidence indicator recording -14.8 per cent in the reference quarter. Meanwhile, the Wholesale & Retail Trade and Services sectors turned pessimistic in the same quarter. Respondents within the Wholesale & Retail Trade sector expect a less favourable business outlook, with a confidence indicator of -4.1 per cent in the second quarter of 2024, compared to +4.7 per cent in the last quarter. The Services sector also foresees a less desirable business situation in the second quarter of 2024, with a confidence indicator of -0.9 per cent, as compared to +8.6 per cent previously (**Exhibit II**).

Looking into the future, the business outlook for the period from April to September 2024 remains lively, with a net balance of +14.9 per cent, compared to +10.0 per cent recorded previously (**Exhibit III**). All sectors register positively, except the Wholesale & Retail Trade sector. Sentiments in the Industry sector show a brighter business outlook, with a net balance of +19.0 per cent, up from 0 per cent recorded previously. For the next six months, the Services sector anticipates a positive business environment, with a net balance of +9.5 per cent from +24.0 per cent in the first quarter of 2024. The Construction sector also foresees an optimistic business prospect, with a net balance of +3.7 per cent for the coming period. The Wholesale & Retail Trade sector expects a challenging business outlook for the following six months, with a net balance of -1.5 per cent, compared to +15.1 per cent previously. Nevertheless, the Wholesale Trade sub-sector maintains a positive trajectory, recording +2.2 per cent, as compared to +17.0 per cent previously (**Exhibit IV**).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

30 MAY 2024



Exhibit I: Quarterly Confidence Indicator, Malaysia, 2022 – 2024**Exhibit II: Quarterly Confidence Indicator by Sector, Malaysia, 2023-2024**

Exhibit III: Net Balance of Business Performance Expectation for Upcoming Six Months, Malaysia, 2022 – 2024




Exhibit IV: Quarterly Net Balance by Sector, Malaysia, 2023-2024

